



**Universiti
Malaysia
PAHANG**
Engineering • Technology • Creativity

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROF. DATO' DR. MOHAMED SAID BIN MAT LELA
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN
HONG KONG SMART VISIT 2007**

**TARIKH
27 JUN 2007 (RABU)**

**TEMPAT
CONFERENCE ROOM, KOMPLEKS PERKHIDMATAN SISWA**

**MASA
9.00 PAGI**



**UCAPAN YANG HORMAT PROF. DATO' DR. MOHAMED SAID BIN MAT LELA,
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG SEMPENA MAJLIS
PELANCARAN PROGRAM HONG KONG SMART VISIT 2007 PADA HARI RABU,
27 JUN 2007, PUKUL 9.00 PAGI BERTEMPAT DI CONFERENCE ROOM,
KOMPLEKS PERKHIDMATAN SISWA, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG.**

1. SALUTASI

Yang Berusaha Pengacara Majlis;

Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi bin Md. Shah,
Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang Kawasan Sungai Lembing;

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sabarudin Bin Mohd,
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Berbahagia Prof. Dr. Badhrulhisham Bin Abdul Aziz,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Yang Berbahagia Tuan Haji Sa'udi Bin Haji Ahmad,
Pendaftar;

Warga pengurusan tertinggi, Profesor-profesor, Dekan-dekan dan Ketua-
ketua Pusat Tanggungjawab serta pegawai-pegawai universiti;

Saudara Shuhairy Bin Saad,
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar;

Saudara Dozier Edmund,
Pengarah Program Hong Kong SMART Visit 2007;

Para peserta Hong Kong SMART Visit 2007; dan

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Assalamualaikum warah matullahi wabarakatuh.

3. KATA PEMBUKA

Setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah Taala, Tuhan Seru sekalian alam, kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, maka kita semua dipertemukan pada pagi yang indah dan permai ini.

Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan selamat datang kepada Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi bin Md. Shah, Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang Kawasan Sungai Lembing kerana sudi hadir ke Kampus Universiti Malaysia Pahang untuk melancarkan Hong Kong Smart Visit 2007 pada pagi ini. Kesudian Yang Berhormat Dato' untuk hadir dalam majlis ini adalah manifestasi komitmen, sokongan dan dukungan padu Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur terhadap aktiviti dan projek yang dianjurkan oleh Universiti Malaysia Pahang. Semoga jalinan kerjasama yang sedia terjalin ini akan akan terus berkekalan dalam suasana kemesraan dan persefahaman demi manfaat bersama.

3. SIGNIFIKAN PROGRAM ANTARABANGSA DALAM MEMAJUKAN KETRAMPILAN MAHASISWA

Tuan-tuan dan puan-puan;

Sebagai Naib Canselor UMP, saya amatlah mengalu-alukan dan menyokong penuh sebarang aktiviti lawatan antarabangsa yang dianjurkan oleh persatuan mahasiswa mahupun oleh pihak universiti. Program seumpama ini perlulah diperbanyakkan dan dipertingkatkan mutu pengisiannya dari semasa ke semasa agar matlamat universiti iaitu "Melahirkan graduan professional bertaraf antarabangsa" dapat direalisasikan.

Modal insan yang unggul tidak hanya dimanifestasikan dengan kelayakan akademik yang cemerlang, tetapi juga dapat dijana melalui pendedahan yang mendalam terhadap ilmu, pengalaman dan kejayaan institusi, industri ataupun individu yang telah menempa kecemerlangan dan mencipta nama, di dalam dan di luar negara. Semoga Hong Kong Smart Visit 2007 ini mampu berfungsi sebagai medan pendedahan yang berkesan terhadap para pesertanya dan dikongsi pula dengan rakan-rakan yang lain sekembalinya para peserta ini ke tanah air.

3. PERANAN UNIVERSITI TERUTAMANYA MAHASISWA TERHADAP MASYARAKAT SEKELILING

Tuan-tuan dan puan-puan,

Penubuhan sesebuah universiti bukanlah semata-mata mendidik anak bangsa dan bukan juga sebagai tempat menimba ilmu selepas alam persekolahan malahan peranan universiti ini lebih luas lagi daripada itu. Dalam makna dan tafsiran yang lebih luas, universiti pada hari ini tidak sahaja berperanan sebagai menara gading dan perbendaharaan ilmu pengetahuan, tetapi juga berperanan sebagai katalis untuk meransang pertumbuhan sosio-ekonomi dan memacu pembangunan setempat. Dalam konteks UMP, kita sentiasa komited untuk menyumbangkan kepakaran yang ada untuk membantu Kerajaan Negeri Pahang khasnya, untuk menggerakkan kemajuan masyarakat dan kecemerlangan pendidikan, khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman melalui pelbagai projek khidmat komuniti. Hal ini amat penting supaya kewujudan UMP dirasai oleh rakyat di Negeri Pahang ini.

Suatu masa dahulu, kawasan Gambang ini hanyalah pekan kecil yang terpencil dan dilihat kerdil nilai ekonomi dan komersilnya. Namun setelah

berdirinya Kampus Sementara Universiti Malaysia Pahang di kawasan ini dan ditambah dengan pembukaan Lebuhraya Pantai Timur (LPT), kawasan Gambang mula dikenali sebagai zon institusi pendidikan di mana selain Universiti ini terdapat juga beberapa institusi lain seperti Kolej Matrikulasi dan juga Kolej Komuniti.

Pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam di kawasan ini juga mula digerakkan sedikit demi sedikit oleh kerajaan negeri. Hal ini telah memberikan impak kepada masyarakat sekitar Gambang dalam peningkatan sosio-ekonomi mereka. Selain kawasan Gambang ini, kawasan di sekitar Kuala Pahang, Pekan juga bakal berubah wajah setelah terdirinya Kampus Tetap UMP yang akan dilancarkan pembinaannya oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada hari Sabtu ini, 30 Jun 2007.

Tuan-tuan dan puan-puan;

Apakah pula peranan mahasiswa terhadap masyarakat sekitar universiti ini? Itulah soalan yang perlu dirungkai dan diselesaikan oleh mahasiswa sendiri. Mahasiswa perlulah berperanan sebagai jurubicara masyarakat. Usaha yang telah dijalankan untuk menganjurkan pelbagai program khidmat komuniti,

baik oleh pihak universiti, mahupun pelajar sendiri adalah amat penting bagi menjadikan UMP sebagai "kampus masyarakat" dan kita mahu melihat para pelajar UMP dapat berperanan supaya gagasan "mahasiswa jurubicara masyarakat" dapat direalisasikan. Untuk itu, sokongan daripada Kerajaan Negeri Pahang amatlah penting bagi membolehkan kami memperbanyak dan mempelbagaikan projek khidmat komuniti bagi faedah rakyat di negeri ini.

4. PENGHARGAAN BUAT PENAJA-PENAJA DAN JUGA PENYUMBANG-PENYUMBANG PROGRAM HONG KONG SMART VISIT 2007

Tuan-tuan dan puan-puan,

Kesudian pelbagai pihak, khususnya Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur serta syarikat-syarikat dalam memberikan pelbagai bentuk sumbangan dan tajaan untuk program Hong Kong SMART Visit 2007 amatlah kami hargai. Selaku Naib Canselor Universiti Malaysia, saya mewakili pihak universiti mengucapkan jutaan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pahang sebagai penyumbang terbesar bagi program ini. Tidak ketinggalan, ucapan terima kasih juga saya huluskan kepada syarikat-syarikat dan orang perseorangan yang telah menyumbangkan tajaan masing-masing untuk program ini.

Semoga jalinan kerjasama ini berkekalan dan berpanjangan pula untuk projek dan program lain pada masa akan datang.

5. PENUTUP

Akhir kata, sama-samalah kita rafakkan doa semoga Allah Taala memberikan hidayah dan keampunan kepada kita serta memberikan perlindungan kepada peserta program Hong Kong SMART Visit 2007 ini agar selamat pergi dan selamat pulang ke tanah air.

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah, Wassalamualaikum warah matullahi wabarakatuh.